

## ADAB MEMASUKI MASJID DAN GURDWARA DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN SIKHISME

### *ETIQUETTE FOR ENTERING MOSQUE AND GURDWARA FROM THE PERSPECTIVE OF ISLAM AND SIKHISM*

Azhar Abdul Rahman <sup>1</sup>  
Charanjit Kaur a/p Darshan Singh <sup>2</sup>  
Syaimak Ismail <sup>3</sup>  
Nor Azira Mohd Radzi <sup>4</sup>  
Zuraimy Ali <sup>5</sup>

<sup>1</sup> ACIS, UiTM Perlis, Malaysia, Email: azharabdulrahman@uitm.edu.my

<sup>2</sup> Jabatan Pengajian Umum, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Email: charanjit@utar.edu.my

<sup>3</sup> ACIS, UiTM Perlis, Malaysia, Email: syaimak@uitm.edu.my

<sup>4</sup> APB, UiTM Perlis, Malaysia, Email: norazira202@uitm.edu.my

<sup>5</sup> ACIS, UiTM Perlis, Malaysia, Email: zuraimy@uitm.edu.my

#### Article history

Received date : 15-7-2023

Revised date : 16-7-2023

Accepted date : 5-9-2023

Published date : 19-9-2023

#### To cite this document:

Abdul Rahman, A., Darshan Singh, C. K., Ismail, S., Mohd Radzi, N. A., & Ali, Z. (2023). Adab memasuki masjid dan gurdwara dari perspektif Islam dan Sikhisme. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (56), 101 – 109.

**Abstrak:** Setiap agama mempunyai tatacara dan etika bila memasuki dan berada di tempat ibadat masing-masing. Bagi orang Islam, Al Quran dan Al Hadis sebagai rujukan etika atau adab dan bagi orang Sikh pula ialah Sikh Rehat Maryada (Kod Tingkah Laku Sikh) yang berasaskan kepada kitab Guru Granth Sahib. Pengetahuan aspek ini membawa kepada budaya saling menghormati dan jalinan harmoni. Kajian konsep ini bersifat kualitatif dengan menggunakan metod dokumentasi dan komparatif serta analisa kandungan secara deskriptif. Objektif kajian adalah untuk melihat aspek-aspek peradaban antara agama yang membolehkan budaya taaruf dan hormat-menghormati dipraktikan walaupun berlainan agama. Kajian mendapati bahawa terdapat aspek-aspek persamaan universal yang boleh dikongsi dan menjadi jambatan dalam membina peradaban dan sikap saling hormat-menghormati. Oleh itu, asas kepada hubungan yang harmoni ialah sikap saling mengenali dan mengambil tahu akan budaya agama yang lain. Justeru, peradaban dapat dibina dengan baik dan mengukuhkan nilai hidup bersama walaupun berbeza amalan agama.

**Keywords:** Adab, Islam, Sikhisme, Masjid, Gurdwara

**Abstract:** Every religion has procedures and ethics when entering and being in their respective places of worship. For Muslims, the Al Quran and Al Hadis as a reference for ethics or manners and for Sikhs it is Sikh Rehat Maryada (Sikh Code of Conduct) which is based on the book Guru Granth Sahib. Knowledge of this aspect leads to a culture of mutual respect and harmony. This conceptual study is qualitative by using documentation and comparative methods as well as descriptive content analysis. The objective of the study is to see the aspects of civilization between religions that allow the culture of taaruf and respect to be practised despite different

religions. The study found that there are aspects of universal similarity that can be shared and become a bridge in building civilization and mutual respect. Therefore, the basis for a harmonious relationship is mutual recognition and awareness of other religious cultures. Thus, civilization can be built well and strengthen the value of living together despite different religious practices.

**Keywords:** *Manners, Islam, Sikhism, Mosque, Gurdwara*

---

## **Pengenalan**

Allah SWT menjadikan manusia berbilang bangsa dan puak, lelaki dan perempuan untuk saling mengenali (*ta'āruf*) di antara satu sama lain. Apa yang membezakan sesama manusia ialah *taqwa* di sisi Allah SWT. Manusia saling mengenali bukan untuk membanggakan ketinggian nasab dan keturunan kerana kebanggaan itu hanya dinilai dari segi *ketaqwaan* (Jalal, 1987). Dengan proses *ta'āruf*, manusia dapat memahami dan mengenali, bertukar-tukar maklumat, hormat menghormati dan boleh mencari titik temu yang memungkinkan mereka saling bantu membantu dan hidup harmoni. Justeru, walaupun berbeza pegangan di antara penganut Islam dan Sikh, itu bukanlah menjadi sebab untuk bermusuhan. Apa yang penting ialah saling menghormati dan berkongsi nilai-nilai kemanusiaan sejagat yang dapat dijadikan titik temu dalam membina peradaban yang sejahtera.

Menurut ajaran Islam, Allah SWT menjadikan semua manusia berasal dari Adam dan Hawa. Semua manusia adalah sama kerana datangnya dari nasab yang sama. Ibu dan bapa manusia adalah satu asalnya. Oleh itu, tidak ada tempat untuk manusia berbangga dengan bangsa atau mengejek dan mencela sesama sendiri kerana semua manusia adalah bersaudara pada keturunan (Wahbah, 2009).

Diutuskan Nabi Muhammad SAW dengan Islam yang membawa rahmat kepada seluruh alam. Kasih sayang dan toleransi yang terkandung dalam ajarannya begitu tinggi bertitik tolak dari asal-usul manusia yang satu dari Adam dan Hawa. Selagi tidak bertentangan dengan syarak, manusia disuruh menghormati dan mengambil tahu sisi hidup manusia yang lain. Allah SWT juga menjadikan manusia dengan fitrah untuk beragama. Manusia semula jadinya mahukan kesejahteraan spiritual dan material. Oleh itu, manusia sentiasa mencari satu kuasa paling berkuasa sebagai tempat bergantung dan berlindung. Manusia berharap, sekiranya sesuatu mengancam jiwa, harta benda dan tubuh badan mereka, ada kuasa yang dapat melindungi dan menyelamatkan mereka sama ada di dunia atau alam selepasnya (Haron, 1997).

Natijahnya, manusia mencari-cari satu kuasa yang paling berkuasa dalam bentuk yang pelbagai yang dianggap boleh menyelamatkan mereka. Justeru, lahirlah agama sama ada yang dikaitkan dengan Rasul utusan Tuhan atau tidak, doktrin dan isme-isme yang menawarkan jalan memenuhi spiritual manusia ini. Dalam konteks Islam, untuk memenuhi fitrah ini, Allah SWT mengutuskan para rasul menunjukkan manusia jalan kebenaran dan keselamatan hakiki. Misi utama mereka menyeru manusia menyembah dan mengesakan Allah SWT dan menjauhi sembah-sembahan selainNya. Ada manusia menerima dan ada yang menolak. Dengan adanya kehidupan beragama, maka wujudlah tempat pengabdian yang dikaitkan dengan pembinaan spiritual manusia. Tempat pengabdian ini mempunyai peraturan, etika dan adab di dalamnya yang wajib dipatuhi penganut agama tersebut termasuk penganut Islam dan Sikh. Kajian konseptual ini melihat adab memasuki masjid dari perspektif Islam dan Gurdwara dari perspektif Sikhisme.

### **i) Institusi Masjid**

Dalam peristiwa hijrah Nabi SAW, Baginda bermukim di Bani 'Amr bin 'Auf selama 14 malam dan Baginda SAW mengasaskan masjid Quba'. Masjid Quba' merupakan masjid yang pertama diasaskan selepas kenabian. (Ibn al Qayyim, 1986). Masjid ini menjadi lambang persaudaraan orang-orang Islam dari kalangan Ansar dan Muhajirin. Institusi masjid pada zaman Rasulullah SAW. berperanan sebagai tempat pelaksanaan ibadah solat, mesyuarat, aduan masyarakat dan aktiviti perniagaan. Nabi SAW menjadikan masjid sebagai pusat kekuatan ummah dan persaudaraan.

Masjid adalah tempat untuk menyuburkan jiwa insan agar sentiasa mengingati Allah dalam apa jua keadaan samaada ibadat umum mahupun khusus (Hamka, 1985). Masjid di zaman Nabi SAW bukan sahaja menjadi pusat ibadah semata-mata tetapi merupakan institusi yang memainkan peranan pelbagai termasuk pusat ibadah, kemasyarakatan, perniagaan dan masyarakat. (Ibn Hisham, 1995). Jelas di sini, di dalam Islam masjid bukan menjadi tempat bersolat semata-mata bahkan fungsinya adalah pelbagai dan menjadi satu syiar kekuatan umat Islam dari segenap aspek.

Walaupun bagaimanapun, praktikal fungsi dan peranan masjid dalam ertikata yang sebenar tergantung dalam pelbagai faktor termasuk aspek pengurusan. Menurut Ridhuan (2019), pengimarah masjid bergantung kepada individu-individu yang memimpin masjid yang proaktif dan memiliki daya pemikiran yang membangun dalam usaha menghidupkan suasana masjid yang kondusif dan praktikal melalui pembangunan minda.

### **ii) Gurdwara**

Gurdwara merupakan pusat keagamaan terpenting penganut Sikh. Ia menjadi pusat ibadat komuniti Sikh, tempat pertemuan dan tempat mengeratkan perpaduan sesama penganut. Gurdwara dibina di India pada mulanya dan dikenali dengan nama dharamsala atau tempat melakukan penyembahan atau peribadatan (Khushwant Singh, 1966)

Gurdwara menjadi satu-satunya tempat untuk penganut Sikh berkumpul dan mempelajari pelbagai aktiviti keagamaan terutamanya dalam mempelajari kandungan ajaran Sri Guru Grant Sahib (Charanjit, 2012). Gurdwara mempunyai kedudukan yang penting dalam kehidupan keagamaan, sosial dan politik orang Sikh. Gurdwara penting dibina di tapak yang berkaitan dengan kejadian penting dalam kehidupan Guru atau ditempat-tempat peristiwa penting dalam sejarah Sikh. Dari segi seni bina Gurdwara telah berkembang daripada struktur bilik tunggal yang ringkas kepada struktur yang mengagumkan dengan perincian dan hiasan yang terperinci. (Chahal, 2012)

## **Kajian Literatur**

### **i. Adab Memasuki Masjid**

Masjid menurut Sibawaih Ibnu Manzur (1990), merupakan satu kata nama yang menunjukkan tempat iaitu yang bermaksud tempat orang yang sujud di atasnya. Perkataan masjid daripada akar kata 'sajada' disebut dalam Al Quran 92 kali. Daripada 92 kali ini, sebanyak 28 kali perkataan masjid atau *masajid* disebut di dalam al Quran.

Adab memasuki masjid dimulai dengan berselawat kepada Nabi Muhammad SAW setiap kali melihat masjid tidak kira dimana sahaja. Justeru, menjadi satu adab kepada muslim untuk

berselawat apabila sampai atau melihat masjid yang dituju. Ketika bersiap untuk ke masjid, tubuh perlu dibersihkan dengan cara berwuduk dan memakai pakaian yang baik. Fitrah manusia sukakan kepada kebersihan dan kecantikan. Al Syarbini (2004) menyatakan penjagaan fitrah seperti dianjurkan Nabi SAW seperti memotong kuku, mencukur atau mencabut bulu, menggosok gigi, memilih pakaian sesuai, memakai bau-bauan, menyikat rambut dan janggut adalah sunat yang dituntut ketika hari Jumaat.

Adab mengunjungi masjid ada dinyatakan dalam al Quran secara jelas dalam surah al A'raf 7: 31 yang bermaksud ;

*Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.*

Al Tabari (2001) menyatakan *Zinat* dalam ayat ini bermaksud pakaian yang disuruh pakai dalam keadaan menutup aurat. *Zinat* ialah pakaian iaitu pakaian yang menutupi aurat, diperbuat dari kain yang baik dan bahan lainnya yang dapat dijadikan pakaian. Diperintahkan memakai pakaian yang indah apabila memasuki masjid.

Hamka (1990) menjelaskan ketika hendak solat, pakaian hendaklah kemas dan baik sehingga jelas menunjukkan bahawa manusia ketika menghadap Allah SWT, mereka benar-benar menghiasi diri. Ibn Kathir (1993) menerangkan ayat ini menjadi dasar adanya *sunnah* atau anjuran untuk berhias ketika ke masjid terutamanya pada hari jumaat dan hari perayaan (*aidilfitri* dan *aidiladha*) dengan wangian termasuk membersihkan gigi. Sebaik pakaian ialah putih. Dalam satu hadith (Al Tirmizi, 1994) berkenaan pakaian, Nabi SAW menyukai pakai berwarna putih kerana putih kerana ia adalah warna yang terbaik.

Apabila hendak memasuki masjid, orang Islam digalakkan berniat *iktikaf* iaitu berniat untuk berhenti di dalam masjid kerana Allah SWT. Niat membezakan perbuatan seorang dengan seorang yang lain. Bagi penganut Islam, niat perlulah ikhlas kerana taat menurut perintah Allah SWT dan rasulNya. Niat membezakan perbuatan seseorang sama ada memasuki masjid sekadar berehat atau tujuan-tujuan yang lain. Mafhum dari hadith Nabi SAW menyatakan bahawa setiap perbuatan bermula dengan niat dan seseorang itu bergantung kepada apa yang diniatkannya. Semua ulama bersepakat menyatakan *iktikaf* di masjid adalah sunat dilakukan oleh semua individu muslim sama ada lelaki mahu pun muslimah (Ibn Qudamah, 1984)

Ketika masuk dan keluar masjid, Nabi SAW dalam hadithnya yang pelbagai mengajar muslim supaya berdoa. Contohnya doa Nabi SAW yang minta berlindung dengan Allah SWT dari syaitan yang direjam dan mohon keampunan dan minta dibuka pintu kerahmatan. Doa disarankan dibaca ketika masuk ke masjid sebagaimana diriwayatkan oleh Ibn Majah (1975). Justeru, amalan berdoa ini tidak berhenti sekadar masuk atau keluar masjid bahkan muslim digalakkan berdoa tanda mengakui sifat lemah manusia dan mendekatkan lagi hubungan manusia dengan Allah SWT yang bersifat Maha Pemurah dan Maha Penyayang.

Islam juga tidak menggalakkan memakan makanan yang boleh mengganggu orang lain terutamanya apabila hendak ke masjid. Apatah lagi sekiranya seseorang itu tidak menjaga kebersihan diri dan pakaian sehingga boleh mengganggu orang lain di masjid. Sabda Nabi SAW yang bermaksud ;

*Sesiapa yang makan bawang merah dan bawang putih, maka janganlah dia menghampiri masjid kami. Ini kerana para Malaikat terganggu sebagaimana manusia juga terganggu (dengan bau tidak menyenangkan tersebut)*  
(riwayat muslim)

Imam Al-Ghazali (1998) menyatakan adab-adab masuk masjid antaranya dahulukan kaki kanan dan mengucapkan doa sebagaimana diajar Nabi SAW. Hendaklah meninggalkan urusan dunia dan menumpukan pada peribadatan kepada Allah SWT. Sebelum duduk, hendaklah mendirikan solat tahiyat masjid. Ketika habis berdoa, hendaklah menyibukkan diri dengan tafakkur, tasbih dan membaca al Quran.

## **ii. Adab Sebelum Memasuki Gurdwara**

Perkara utama yang harus dilakukan terlebih dahulu sebelum memasuki gurdwara adalah membersihkan diri. Orang Sikh harus membersihkan diri terutamanya bahagian kaki dan tangan dengan air bersih sebelum menjejakkan kaki ke dalam gurdwara (Charanjit, 2003). Protokol pembersihan ini wujud kerana gurdwara di zaman dahulu khususnya di Punjab adalah di kawasan yang tanahnya berpasir, lembap dan tidak bertar. Malah, jemaah Sikh kebanyakannya berjalan kaki ke gurdwara dan terdedah kepada habuk yang merupakan perkara biasa pada zaman yang belum menikmati kemodenan sistem jalan raya yang bersih. Oleh itu, kebanyakan gurdwara historikal di Punjab mempunyai *sarovar* atau kolam air buatan manusia yang membolehkan mereka untuk mandi jika perlu. Selain itu, pemakaian kasut adalah tidak dibenarkan sama sekali di dalam gurdwara.

Sebelum memasuki *Darbar Sahib* yakni tempat para jemaah berkumpul untuk bersembahyang secara kolektif, individu Sikh harus memastikan bahawa mereka menutup kepala sebagai tanda hormat. Bagi wanita Sikh pula, mereka tidak dibenarkan menutup mukanya dengan tudung (Charanjit, 2002). Protokol menutup kepala ini juga sebahagian daripada warisan amalan yang wujud di Punjab di mana golongan wanita khususnya digalakkan menutup kepala dengan selendang. Ini kerana ketika itu kebanyakan isi rumah mengamalkan sistem keluarga kembangan (*extended family*) di mana yang keluarga tersebut biasanya terdiri daripada datuk, nenek, ibu saudara, bapa saudara, sepupu dan anggota keluarga yang lain. Ini tidak bermakna bahawa wujud diskriminasi wanita dalam perkara ini. Ini kerana golongan lelaki kebanyakannya memakai *dastar* (turban) sepanjang hari walaupun berada di rumah. Pendek kata, menutup kepala adalah sinonim dengan budaya asal orang Punjabi Sikh yang seterusnya dilihat sebagai elemen penting di dalam gurdwara.

Sejajar dengan itu, orang Sikh harus memastikan bahawa mereka tidak memakai pakaian yang menjolok mata ketika melawat gurdwara. Orang Sikh digalakkan untuk memakai pakaian yang selesa dan *presentable looking*. Selesa bukan sahaja bagi si pemakai tetapi selesa untuk dilihat oleh orang lain juga. Pakaian ketat yang menunjukkan bentuk badan individu dan mendedahkan tubuh badan sebenarnya tidak sesuai ketika melawati gurdwara.

## **iii. Adab Ketika Berada di Dalam Darbar Sahib**

Semasa berada di pintu utama *Darbar Sahib*, orang Sikh perlu merapatkan kedua-dua tangan dan meletakkan di posisi dada sambil berjalan ke arah hadapan di mana terletaknya kitab suci. Apabila berhadapan dengan kitab tersebut, mereka harus bersujud di hadapan *Guru Granth Sahib*. Setelah itu, pada kebiasaannya mereka akan memandangi sepintas lalu ke arah jemaah

yang berada di Darbar Sahib dan mengucapkan *Waheguru Ji Ka Khalsa, Waheguru Ji Ki Fateh* dengan suara yang perlahan sambil menundukkan kepala sedikit sebagai tanda hormat.

Persoalan yang mungkin ditanya adalah mengapa harus bersujud? Adakah ini amalan memuja objek? Sebenarnya, *Guru Granth Sahib* diangkat darjatnya sebagai *a Living Guru* buat selamanya. Penganut Sikh menerima *Guru Granth Sahib* sebagai *Guru* Abadi dan pemimpin rohaniah yang kekal. *Guru Granth Sahib* juga dianggap sebagai *an absolute authority of the Word of God*. *Absolute authority* atau autoriti muktamad ini bermaksud bahawa *Guru Granth Sahib* mempunyai autoriti yang tertinggi dan tidak boleh dicabar oleh mana-mana individu mahupun institusi. Oleh yang demikian, orang Sikh bersujud di hadapan kitab ini kerana ia bukan calang-calang kitab tetapi merupakan *Guru* Abadi yang mempunyai *absolute authority* kerana di dalamnya termaktub *gurbanee* atau ayat-ayat yang diperturunkan dari Tuhan melalui sepuluh *Guru* Spiritual. Maka dengan itu, penganut agama Sikh menghormati *Guru Granth Sahib* dan bukannya memuja objek.

#### iv. Senario di dalam Gurdwara

Dalam himpunan jemaah, tidak harus diwujudkan sebarang bentuk diskriminasi di antara agama, ras, etnik, gender, umur mahupun status kewarganegaraan. Ia bermakna tiada perbezaan yang harus diutamakan di antara penganut agama Sikh dengan orang bukan Sikh di dalam premis gurdwara (Charanjit, 2002). Semua umat manusia bebas datang ke dalam *gurdwara* dan bersembahyang tanpa menghiraukan perbezaan tersebut. Ketika mengadakan sesi berjemaah pula, hanya satu perkara sahaja boleh dijalankan pada satu-satu masa sama ada mempersembahkan *kirtan* (nyanyian ayat suci dengan alunan muzik), menyampaikan khutbah agama, menghuraikan tafsiran ayat-ayat suci atau membaca ayat-ayat suci (Charanjit, 2003).

#### v. Amalan yang harus dihindarkan

Umumnya, amalan-amalan yang bertentangan dengan *Gurmat* yakni ajaran Guru atau *the Guru's way* adalah ditentang sama sekali. Umpamanya di dalam gurdwara, tidak dibenarkan untuk meletakkan sebarang bentuk patung ataupun potret mana-mana *Guru* atau individu tertentu. Seajar dengan itu, orang Sikh dilarang sama sekali untuk menundukkan kepala kepada gambar *Guru-guru* Sikh atau orang yang lebih tua daripadanya dan mengadakan sebarang bentuk pemujaan terhadap patung, ritual atau sebarang bentuk kepercayaan lain termasuk mengadakan keramat (Charanjit, 2002). Orang Sikh hanya dibenarkan menundukkan kepala kepada *Guru Granth Sahib* sebagai pengakuan bahawa *Guru Granth Sahib* adalah *Guru* terakhir mereka dan bersedia untuk menerima segala ajaran yang termaktub dalam agama Sikh. Menurut Cole dan Sambhi (1978):

*A Sikh should not bow to a picture of a Guru as a Hindu would offer puja to a picture of Rama. Pictures of the Gurus should not display near the scripture. The proper Sikh attitude was once summed up in a single pithy comment, 'The picture of the Guru is the Gurbani'.*

(Cole & Sambhi, 1978)

Berkaitan dengan *Guru Granth Sahib* pula, tidak boleh diletakkan sebarang buku sama tinggi atau seiring dengan kedudukan kitab suci mahupun membaca teks ayat-ayat suci yang lain bersebelahan ketika pembacaan *Guru Granth Sahib* dijalankan. Selain itu, penganut Sikh dilarang menghalakan kaki ke arah kedudukan *Guru Granth Sahib*, menyalakan *arti* dengan menggunakan lampu dan kemenyan, memukul gong serta menghidangkan makanan kepada *Guru Granth Sahib*. Malah, tindakan untuk mengadakan upacara meletakkan lampu minyak

kelapa, meletakkan air di bawah kedudukan kitab suci ini, duduk di atas kerusi atau bangku yang menampakkan perbezaan posisi sama ada di antara *Guru Granth Sahib* mahupun sesama jemaah yang hadir adalah perlakuan biadap dan harus dielakkan (Charanjit Kaur, 2002: 32). Akhir sekali, membuat kemeja atau pakaian wanita daripada kain yang menutupi kitab suci (*rumala*) juga dilarang sama sekali.

### **Objektif Kajian dan Impak**

Objektif kajian adalah untuk melihat aspek-aspek peradaban antara agama yang membolehkan budaya taaruf dan hormat-menghormati dipraktikkan walaupun berlainan agama. Kajian bermanfaat untuk memahami nilai-nilai kemanusiaan universal yang dapat dikongsi bersama dan untuk saling bertoleransi walaupun berbeza agama atau kepercayaan. Impaknya akan mewujudkan masyarakat yang saling kenal mengenali, harmoni dan saling hormat menghormati. Ini seterusnya akan membawa kepada keamanan dunia dan menyebarkan semangat kasih sayang manusia.

### **Metodologi**

Kajian ini berbentuk kualitatif berdasarkan kajian kepustakaan, obeservasi atau pemerhatian dan komparatif. Kajian kepustakaan digunakan untuk mendapatkan data menerusi kajian literatur dan informasi berkaitan hal ehwal Institusi masjid dan Gurdwara. Maklumat diperolehi sama ada menerusi meliti menerusi sumber-sumber primari dan sekunder. Pemerhatian juga turut dilakukan untuk mendapat gambaran yang sebenar terutama berkaitan peribadatan di Gurdwara. Gurdwara yang terpilih ialah Gurdwara yang teletak sekitar Lembah Klang. Begitu juga masjid-masjid yang dibuat pemerhatian berada di sekitar Lembah Klang Maklumat yang diperolehi ini, seterusnya dibuat perbandingan dan perbincangan dan dapatan kajian.

### **Perbincangan dan Kesimpulan**

Islam dan Sikh masing-masing telah menggariskan panduan dan etika apabila memasuki masjid atau gurdwara. Islam meletakkan sumber rujukan utamanya al Quran dan al Hadith sebagai panduan adab dan etika ketika mengunjungi masjid. Kemudiannya adab dan etika ini dijelaskan dengan lebih detail melalui kitab-kitab dan syarahan ulama Islam yang diakui berautoriti dalam menerangkan sekiranya ada sebarang kekaburan yang tidak jelas. Ia menjadi panduan untuk diikuti kerana hujah-hujah dan penerangan yang mereka berikan adalah berpandukan rujukan utama Islam iaitu al Quran dan al Hadith.

Keutamaan dalam adab dan etika memasuki masjid ialah soal pengabdian kepada Allah SWT dengan menurut segala titah dan perintahNya disamping menjadikan Nasi SAW sebagai contoh ikutan yang baik dalam setiap perkara yang dilakukan. Niat hanya kerana Allah SWT dan mempraktikkan segala tunjuk ajar dan contoh tauladan yang baik yang ditinggalkan oleh Nabi SAW.

Bagi Sikhism, seorang penganut Sikh yang baik akan menjadikan panduan adab dan etika memasuki gurdwara sebagaimana yang termaktub dalam agama Sikh. *Guru Granth Sahib* merupakan *Guru* Abadi yang mempunyai *absolute authority* kerana di dalamnya termaktub *gurbanee* atau ayat-ayat yang diperturunkan dari Tuhan melalui sepuluh *Guru* Spiritual. Dianggap sebagai *Guru* Abadi dan pemimpin rohaniah yang kekal.

*Guru Granth Sahib* juga dianggap sebagai an *absolute authority of the Word of God*. *Absolute authority* atau autoriti muktamad ini bermaksud bahawa *Guru Granth Sahib* mempunyai autoriti yang tertinggi dan tidak boleh dicabar oleh mana-mana individu mahupun institusi.

Penganut Sikh wajib mengakui bahawa *Guru Granth Sahib* adalah *Guru* terakhir mereka dan bersedia untuk menerima segala ajaran yang termaktub dalam agama Sikh.

Aspek persamaan yang wujud ialah peri penting persediaan dan adab meliputi soal kebersihan dan pakaian ketika memasuki tempat ibadah masing-masing. Dalam menunaikan ibadah, masing-masing mengenyahkan soal perbezaan pangkat dan kaum dan fokus kepada ritual peribadatan masing-masing dan tertakluk kepada peraturan dan bimbingan yang telah diajar. Masing-masing agama mempunyai suruhan dan larangan-larangan yang perlu dielakkan sepanjang berada di masjid dan di gurdwara. Maka aspek-aspek persamaan inilah yang harus diraikan untuk mewujudkan kehidupan harmoni dan aman masyarakat berbilang kaum terutamanya di Malaysia.

### Rujukan

Al Quran Al Karim.

Aftar Singh. (1993). Sejarah kedatangan masyarakat Sikh ke Malaya, penglibatan mereka dalam bidang ekonomi dan sosial serta masalah-masalah yang dihadapi sehingga tahun 1957. Latihan Ilmiah. Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al Tirmizi, Abu Ismail, Muhammad Isa (1994) Sunan al\_ Tirmizi Wa Hua al Jami' al Mukhtasar min al Sunani 'an Rasulullah SAW Wa Makrifat al Sahih wa al Ma'lul wa Maklul wa Ma alaih i al Amal, Beirut : Dar Al Fikr . Jilid 1-5.

Al-Ghazali, A.H (1998), Bidayah al-Hidayah, tahqiq `Abd al-Hamid Muhammad al-Darwish, Beirut; Dar Sadir.

Chahal, K. S., Dua, S., & Singh, S. (2012) *Architectural Evolution of Gurdwaras: An Overview*. IUP Journal of Architecture.

Charanjit Kaur. (2002). *Teks Sikh Rehat Maryada: satu kajian kod tingkah laku penganut agama Sikh*. Latihan Ilmiah. Program Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Charanjit Kaur. (2012). *Komuniti tekstual: Peranan Guru Granth Sahib dalam pembentukan identiti gender dalam kalangan lelaki dan perempuan Sikh*. Tesis Ph.D. Institut Kajian KITA, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Cole, W. O. & Piara Singh Sambhi. (1978). *The Sikhs: their religious, beliefs and practices*. London: Routledge & Kegan Paul.

Daljeet Kaur. (1986). Ritus perpeloncoan dalam komuniti Sikh: satu kajian etnografi. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hamka, 'Abd al Mālik Karīm (1990) Tafsīr Al Azhār. Singapura : Pustaka Nasional PTE LTD.

Haron Din (1997). *Manusia Dan Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Jilid 3.

Ibn Hisham (1995). *Sirah al-Nabawiyah li Ibn Hisham*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Ibn Manzur, Jamal al Din Muhammad ibn Mukram (1990) *Lisan al Arab*, Bairut : Dar al Sadir, Jilid 1-15

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad bin Abi Bakr Ayyub al-Zar'ī Abu 'Abd Allah (1986), *Zad al-Ma'ad fi Hadyi Khayr al-'Ibad*, c.14. Beirut: Muassasah al-Risalah

Ibn Qudamah, Abi Abdillah bin Ahmad bin Muhammad., (2004), *Al-Muqhnī*, Tahqiq: Muhammad Syarifuddin Khattab, al-Qaherah: Dar al-Hadith, 1:634

Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān Ibn Abī Bakr Al-Suyūṭī & Jalāl al-Dīn Muḥammad Ibn Aḥmad ibn Muḥammad Al-Maḥallī (1987). *Al-Qurān al-Karīm : Tafsīr al-Imām al-Jalīlain*. Damshiq : Dār Ibn Kathīr.

Khushwant Singh (1966) *A History of the Sikh 1839-1964*. New Jersey : Prentice Hall.

Majah, I. (1975). *Abu Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwini. Sunan Ibn Majah.*, Riyadh:



- Dar al-Salam.
- Malkiat Singh Dhalliwal & Mukhtiar Kaur Sandhu. (1971). Some Sikh culture, customs, and traditions in Malaya. Pulau Pinang: Lopo Ghar.
- Mohd Ridhuwan, Muhd Najib, Fadlan & Siti Azimah. (2019). *Prinsip Al- Imarah Dalam Kalangan AJK Masjid Kearah Mengimarahkan Institusi Masjid*. Jurnal al-Turath 4(2). 28-36.
- Muhammad bin Jarir, al-Tabari (2000), Jami‘ al-Bayān ‘an Ta’wil Ayi alQur’ān. Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath al- ‘Arabi.
- Pritam Singh Gill. (1990). The trinity of Sikhism. Jullundur: New Academic Publishing.
- Qudamah, I., & bin Ahmad, A. M. A. A. (1984). Al-Mughni Wa Al-Syarh Al-Kabir. Beirut: Dar al-Fikr
- Wahbah al-Zuhailīy (2009). Tafsīr al-Munīr Fī al-‘Aqīdah Wa al-Shari‘ah Wa al-Manḥaj. Damshiq : Dār al-Fikr.